

18/09/2003

Pelajar UiTM diminta manfaat Koleksi Minda PM

KUALA PILAH: Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Negeri Sembilan di sini menerima sebanyak 15 set buku terjemahan Koleksi Minda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, semalam.

Buku terjemahan bernilai hampir RM7,500 itu diserahkan Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Profesor Dr Ibrahim Abu Shah kepada Pengarah UiTM cawangan Negeri Sembilan, Profesor Madya Dr Tengku Jamaludin Tengku Mahmud Shah Al-Haj.

Majlis yang bermula pada jam 10 pagi itu dimulakan dengan bacaan sajak, persembahan multimedia, ceramah khas bertajuk 'Pemikiran Pemimpin Ulung Negara - Perdana Menteri Malaysia: Satu Analisis' oleh Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Sosial, Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Norhayati Omar.

Sementara itu, Dr Ibrahim dalam ucapannya berharap pelajar UiTM memanfaatkan buku terjemahan koleksi itu sebagai bahan rujukan untuk kepemimpinan dan keperibadian pelajar.

Katanya, UiTM sangat serius dan berusaha menjadikan buku itu sebagai panduan untuk pelajar meneruskan visi memimpin negara dengan baik.

"Buku ini memberi banyak manfaat untuk dijadikan teladan melalui pelbagai cabaran yang diharungi Dr Mahathir hingga menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan disegani ramai.

"Malah, setiap kali perjumpaan diadakan dengan kakitangan dan pelajar UiTM, saya sentiasa mengingatkan mereka mengenai peranan mereka dalam pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata, semua buku terjemahan itu akan diletakkan di perpustakaan UiTM untuk memudahkan pelajar membuat rujukan.

Setiap set buku terjemahan itu mengandungi 14 naskhah. UiTM cawangan Negeri Sembilan menerima sebanyak 210 naskah dan jumlah itu sudah mencukupi untuk rujukan seramai 350 pelajar di kampus itu.